

>SEGAK RAPI

WANITA SUKA > LELAKI PUN CUBA

RUANGAN INI UNTUK LELAKI SEPerti ANDA DAN SAYA. BERADA DI KELING PENULIS-PENULIS KECANTIKAN DI TEMPAT KERJA MENDEDAHKAN SAYA KEPADA ANEKA PRODUK KECANTIKAN (ATAU GROOMING). SAYA MENCUBA BEBERAPA DAN DI SINI SAYA SARANKAN PRODUK PILIHAN




1 LAURA MERCIER INFUSION DE ROSE NOURISHING LIP BALM RM109, 0.3OZ

Dengan cuaca yang kian panas sebegini, bibir saya pun cepat kering. Sedar akan dilema saya, teman pun mengesyorkan pelembap bibir ini. Diibaratkan "bantak gebu" untuk bibir, produk ini melembapkan dan melindungi bibir daripada kesan-kesan alam sekitar. Jika dipakaikan sebelum tidur, ia merapi dan mengembalikan kelembutan. Datangnya pagi, bibir kekal sihat dan licin sebaik sahaja bangun daripada tidur.



2 SACHAJUAN HAIR REPAIR PROFESSIONAL MOUSSE RM52, 100ML RM105, 250ML RM264, 1000ML

Jikalau sudah menjadi produk *favourite* di kalangan *beauty editors*, rugi kalau tidak mencubanya, bukan? Produk rawatan rambut ini adalah hasil Ocean Silk Technology yang menggalakkan pertumbuhan sel pada rambut yang rosak. Juga mengurangkan *frizz*. Sapu dan urut pada rambut basah, biarkan 10-15 minit sebelum dibilas.



3 PUREOLOGY NANO WORKS GOLD SYSTEM RM83, SYAMPU 200ML RM90, PERAPI 200ML

Sesiapa yang sudah biasa mewarnakan rambut sedar bahawa ia boleh menyebabkan rambut lebih kering dan kasar. Itu gunanya Pureology. Pureology dirumuskan daripada ramuan-ramuan botanikal dan adalah 100 peratus *vegan*. Rahsia produk ialah Golden Marul Oil, yang diekstrak dari kacang Mural di kawasan pedalaman Afrika, dan berkuasa untuk memberi penghidratan, perlindungan dan penyegaran yang optimum.



4 OUD SATIN MOOD, MAISON FRANCIS KURKDJIAN RM938.10, 70ML

Biarpun dipakai supaya tampil harum di khalayak umum, kadang kita memilih wangian sekadar untuk *feel good about ourselves*. Wangian Oud Satin Mood sebegini. Dengan esen ros Bulgaria, *rose absolute* dari Turki dan kayu oud dari Laos, antara ramuan yang termahal dalam dunia olfaktori. Baunya menggambarkan ketenangan hamparan kain yang ditiup angin. Damai.


NEYMAR

Pemain bola sepak Brazil,

Tidak malu akan rutin penjagaan dirinya

"Ya, memang benar saya suka keluar membeli pakaian baru, wangian terkini serta produk-produk untuk rambut saya.

Malah, saya juga mencukur bulu kaki saya."



Oleh: Apeau Azis Driam